

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI  
[ SUNGAI BESAR ]**

**TARIKH : 22.3.2017**

**SOALAN :**

**Tuan Budiman Bin Mohd Zohdi [ Sungai Besar ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh manakah penekanan kepentingan bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) diletakkan melalui Kolej Vokasional (KV) dan apakah tahap penerimaan pelajar KV terhadap bidang STEM ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menggubal dan melaksanakan Dasar Sains, Teknologi Kejuruteraan dan Matematik (STEM) merangkumi semua sistem pendidikan di negara ini, termasuklah dalam bidang Latihan Pendidikan Teknik dan Vokasional (TVET). Murid Kolej Vokasional sama ada peringkat sijil atau diploma bukan sahaja diajar pendidikan yang berasaskan teknologi (kemahiran), tetapi juga pendidikan berasaskan akademik termasuk STEM. Kepentingan murid Kolej Vokasional menguasai STEM amat dititikberatkan bagi memastikan lepasan Kolej Vokasional mampu bersaing di peringkat global.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tahap penerimaan murid terhadap STEM amat memberangsangkan kerana kecemerlangan murid dalam bidang teknologi (kemahiran) sangat bergantung kepada penguasaan dalam bidang STEM. Murid Kolej Vokasional sedar tentang kepentingan penguasaan dalam STEM sebagai keperluan untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.

RJM67